

32 sekolah jadi perintis Trenglish

Program tingkat budaya guna bahasa Inggeris diperkenal di sekolah setiap Dun

SINAR HARIAN
9/4/2015

■ NORHAFIZA MUSA

KUALA TERENGGANU - Sebanyak 32 sekolah terpilih sebagai sekolah perintis bagi menjayakan program pendidikan, 'Trenglish' atau 'Transforming English' di bawah agenda Transformasi Terengganu Baharu (TTB), yang dilancarkan, kelmarin.

Yang Dipertua Dun, Datuk Mohd Zubir Embong berkata, kesemua sekolah dari setiap Dun akan melaksanakan program itu secara kolaboratif bersama Yayasan Terengganu (YT) dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) sepanjang tiga tahun bermula tahun ini.

Menurutnya, program Trenglish bertujuan meningkatkan budaya penggunaan Bahasa Inggeris Komunikasi di kalangan murid dan rakyat.

"Menjadi hasrat kerajaan negeri agar rakyat di negeri ini mampu berkomunikasi dalam



Mohd Zubir semasa gimik pelancaran Program Trenglish.

bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka berperanan aktif dalam era globalisasi ini.

"Program ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan keyakinan murid negeri ini bagi menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan awam khususnya Sijil Pelajaran Malaysia," katanya yang juga penasihat program.

Mohd Zubir melancarkan program itu di Wisma Darul Iman, sebagai mewakili Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman yang juga penaung program berkenaan.

Menurutnya, sebelum program itu dilancarkan, satu makmal Trenglish dilaksanakan pada awal tahun ini membatinkan pakar bahasa Inggeris

dan guru-guru berpengalaman dari pelbagai institusi tempatan seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), JPNT, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah-sekolah ter-

pilih serta mantan guru Bahasa Inggeris dan tokoh korporat bagi membincangkan strategi pelaksanaan program.

Beliau berkata, antara pengisian Trenglish yang dicadangkan dilaksanakan secara berfasa ialah penempatan pembantu guru Bahasa Inggeris (Terengganu Hired English Language Personnel atau T-HELP), penerbitan majalah Fun Trenglish secara berkala, penerbitan modul Trenglish, Friends of Trenglish, Trenglish Camp, Trenglish with community, Trenglish On Air, Trenglish Online (Instagram), Trenglish Nerve Center dan Trenglish Kiosk.

Sekolah terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheneh Baru (Dun Air Putih), SMK Menerong (Ajil), SM Imtiaz YT-Kuala Terengganu (Alur Limbat), SMK Chung Hwa Wei Sin (Bandar), SMK Sultan Sulaiman (Batu Buruk), SMK Tengku Mizan Zainal Abidin (Batu Rakit), SMK

Kuala Jengal (Bukit Besi); SMK Sultan Mansor (Bukit Payong); SMK Bukit Tunggal (Bukit Tunggal), SMK Chukai (Cukai), SMKA Wataniah (Hulu Besut); SMK Jabi (Jabi), SMKA Ittifakiah (Jertih); SMK Badrul Alam Shah (Kemasik); SMK Kijal (Kijal); SMK Permaisuri Nur Zahirah (Kota Putera) dan SM Imtiaz YT-Kuala Berang (Kuala Berang).

Lain-lain ialah SMKA Nurul Ittifaq (Kuala Besut); SMA Khairiah (Ladang); SMK Pelong (Langkap); SMK Belara (Manir); SMK Paka (Paka); SMK Bukit Sawa (Pengkalan Berangan); SMK Lembah Bidong (Permaisuri); SMK Tengku Intan Zaharah (Rantau Abang); SMK Tengku Lela Segara (Rhu Rendang); SMK Kompleks Seberang Takir (Seberang Takir); SMK Seri Dungun (Sura); SMK Matang (Telermung); SMK Manir (Teluk Pasu); SMKA Tok Jiring (Tepuh) dan SMK Sultan Ahmad (Wakaf Mempelam).